

16/03/1997

PM yakin Perlis boleh maju

Hassan Omar; Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PADANG BESAR: Perdana Menteri yakin Perlis boleh dimajukan sebagai destinasi pelancongan menarik berdasarkan pemandangan indah di kawasan tanah tinggi berhampiran sempadan Malaysia-Thailand.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemandangan indah itu dinikmatinya ketika melalui laluan kenderaan pacuan empat roda di kawasan bukit-bukau di kawasan berkenaan.

Menurutnya, beliau tidak menyangka Perlis mempunyai pemandangan indah yang boleh dinikmati dari kawasan itu, sekali gus membolehkannya dimajukan sebagai destinasi pelancongan.

"Saya tidak tahu rupanya ada tempat sebegini cantik di Malaysia dan ia terletak di Perlis.

"Saya percaya tidak lama lagi Perlis akan dilawati pelancong dari dalam dan luar negara ... ini merupakan petanda baik kerana mereka bukan setakat datang ke Padang Besar untuk membeli-belah, malah bermalam di Padang Besar untuk melihat pemandangan indah," katanya ketika pada majlis bersama rakyat, di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara enam syarikat dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs).

Syarikat berkenaan ialah Perdana Management & Consultancy Sdn Bhd.

Waste Water Engineering Sdn Bhd, G-Two Holdings Bhd, Proven Venture Sdn Bhd, Energomal (M) Sdn Bhd dan Marditech Corporation Sdn Bhd.

Syarikat berkenaan akan memajukan projek pengeluaran geletin halal, rawatan bahan buangan, perhotelan, pembangunan Padang Besar, pengeluaran alat pengubah voltan dan pengeluaran minyak melalui pokok teh.

Dr Mahathir berkata, semua projek berkenaan bukan setakat meningkatkan kemajuan ekonomi Perlis, malah Malaysia secara keseluruhannya.

"Perlis akan menyumbangkan pelbagai kemajuan kepada pembangunan ekonomi negara bagi meningkatkan ekonomi negara sepanjang masa," katanya.

(END)